

17/10/1997

IMF kaji syor Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sedang meneliti cadangan Malaysia supaya diperkenalkan peraturan berhemat bagi mengawal perniagaan mata wang dan aktiviti dana lindungan nilai.

Pengarah Urusan Bahagian Operasi Bank Dunia, Gautam S Kaji ketika mengesahkan perkara itu, bagaimanapun berkata, cadangan keseimbangan perdagangan itu masih perlu dikaji.

"Perkara itu memang sedang dibincang dan dikaji. Bagaimanapun saya rasa kajian teliti perlu dilakukan mengenai keseimbangan perdagangan yang dicadangkan itu.

"Tiada penyelesaian segera bagi keadaan itu, yang memerlukan dua matlamat spesifik seimbang - menghindarkan turun naik dalam pasaran dan mengekalkan suasana yang baik bagi pelabur.

"Saya tidak fikir ada cara penyelesaian segera. Kita perlu menangani perkara itu dengan berhati-hati dan kita perlu seimbangkan kedua-dua tujuan spesifik itu bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mengunjungi Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kementerian Kewangan hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini menyarankan diperkenal peraturan bagi mengawal perniagaan mata wang supaya urusannya lebih terbuka dan tiada lagi negara menjadi mangsa manipulasi.

Berikutan itu, Malaysia diberi kepercayaan oleh IMF dan Bank Dunia untuk menguruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang. Malaysia kemudian turut mencadangkan supaya bursa khas diwujudkan bagi kegiatan itu.

"Anda perlu amat berhati-hati bagi memastikan anda terus terbuka, mesra pelabur dan berhubungan dengan ekonomi sejagat. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan bagaimana kita boleh mengurangkan keadaan tidak menentu," katanya.

Gautam berkata, negara Asia Timur perlu membincangkan mengenai 'penghapusan' dalam mengemukakan penyelesaian untuk mengatasi keadaan tidak menentu mata wang di rantau ini bagi memastikan ekonomi mereka terus terbuka.

Mengenai pengubahsuaian ekonomi bagi rantau ini seperti dasar fiskal dan akaun semasa, beliau berkata adalah sukar untuk menyatakan secara umum, memandangkan setiap negara mempunyai dasar yang tersendiri.

Diminta mengulas kenyataan Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Alan Greenspan berkaitan dengan keperluan untuk ketelusan pasaran dan penyebaran data yang tepat masanya, beliau berkata:

"Adalah penting bukan sahaja bagi pihak luar tetapi juga bagi pengurusan ekonomi dalaman yang baik."

Gautam berada di Kuala Lumpur untuk singgah sehari sebelum berlepas ke Hong Kong untuk Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur.

(END)